



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 22 OGOS 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **empat (4) kes** yang telah pulih COVID-19 pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah sebanyak **8,949 kes** (96.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 22 Ogos 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **lapan (8) kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **9,257 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 183 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada lapan (8) kes baharu yang dilaporkan, tiga (3) kes adalah kes import yang telah mendapat **jangkitan di luar negara** yang melibatkan satu (1) **warganegara Malaysia** dan dua (2) **bukan warganegara**. Tiga (3) kes import tersebut adalah dari negara:

- i. Bangladesh (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur);
- ii. Belanda (1 kes di Sarawak); dan
- iii. Filipina (1 kes di Sabah).

Kesemua lima (5) kes **penularan di dalam negara** melibatkan **warganegara Malaysia** iaitu kes daripada Kluster Tawar di Kedah. Kluster ini akan diperincikan di bawah.

Sehingga kini, terdapat **lapan (8) kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana empat (4) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa **tiada** pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak **125 kes** (1.35 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KLUSTER TAWAR

Terdapat **lima (5) kes** baharu dilaporkan bagi Kluster Tawar di negeri Kedah, justeru menjadikan jumlah kes dikesan positif COVID-19 kluster ini sebanyak **63 kes**. Sehingga 22 Ogos 2020 jam 12 tengah

hari, seramai **2,942** orang telah disaring dalam kluster ini. Pecahan saringan mengikut negeri yang terbabit adalah seperti berikut:

i. Kedah (2,414 disaring):

- 52 kes dikesan positif COVID-19;
- 2,227 individu negatif; dan
- 135 individu masih menunggu keputusan.

ii. Pulau Pinang (517 disaring):

- 11 kes dikesan positif COVID-19;
- 443 individu negatif; dan
- 63 individu masih menunggu keputusan.

iii. Perak: Kesemua 11 saringan adalah negatif. Tiada saringan baharu.

Pengesanan kes dan saringan kontak rapat bagi kluster ini masih diteruskan. Situasi semasa akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

SEMAKAN PERSOALAN MENGENAI ALAMAT YANG TIDAK TEPAT KES DI SUBANG JAYA DI DALAM APLIKASI MYSEJAHTERA

Ingin dimaklumkan bahawa KKM telah menerima persoalan mengenai notifikasi kes COVID-19 di kawasan Subang Jaya. Semakan dan siasatan telah dijalankan terhadap lokasi yang **tidak**

tepat ini. Untuk makluman, kes positif COVID-19 tersebut telah dilaporkan pada 10 Ogos 2020 dan merupakan seorang bukan warganegara yang telah menjalani saringan di tempat kerja. Sementara menunggu keputusan ujian, **majikan beliau telah mengambil inisiatif meletakkan beliau di bawah kuarantin di sebuah hotel di Subang Jaya**, justeru merupakan lokasi yang turut didaftar dalam aplikasi MySejahtera.

Namun demikian setelah mendapat keputusan saringan COVID-19, alamat pendaftaran kes tersebut dipindahkan semula ke alamat tempat tinggal beliau iaitu di Bandar Tun Hussein Onn, Cheras sebelum beliau dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Ini penting kerana segala tindakan pengesanan kes secara aktif dan juga saringan kontak rapat dijalankan di lokasi tempat kediaman kes, iaitu di Bandar Tun Hussein Onn, Cheras. Lokasi ini juga turut dikemaskini di aplikasi MySejahtera sebagai alamat kes tersebut.

Pihak KKM ingin menyampaikan penghargaan kepada orang ramai yang telah menggunakan pelbagai fungsi aplikasi MySejahtera, dan ternyata masyarakat cakna dengan perkembangan kes COVID-19 di sekitar mereka. KKM mengucapkan terima kasih atas kerjasama dalam melaporkan sebarang isu berkaitan COVID-19 kepada KKM. KKM juga ingin menasihatkan orang ramai agar hanya berkongsi maklumat yang terbukti kesahihannya agar tidak menimbulkan panik di dalam masyarakat.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihatkan orang ramai agar kekal waspada dan terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.

- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (***facemask***) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bersejela (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bersejela;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

22 Ogos 2020 @ 5.00 petang.

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 22 OGOS 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	31
KEDAH	5	198
PULAU PINANG	0	136
PERAK	0	269
SELANGOR	0	2,153
NEGERI SEMBILAN	0	1,034
MELAKA	0	259
JOHOR	0	751
PAHANG	0	370
TERENGGANU	0	114
KELANTAN	0	160
SABAH	1 (1)	417
SARAWAK	1 (1)	688
W.P. KUALA LUMPUR	1 (1)	2,555
W.P. PUTRAJAYA	0	99
W.P. LABUAN	0	23
JUMLAH KESELURUHAN	8 (3)	9,257

*() adalah merujuk kepada kes-kes import